

IVORY

BULETIN KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA SRI GADING



ANUGERAH KHAS PENGARAH HARI INOVASI 2022



Pengerusi

Nor Ain Binti Abas

Timbalan Pengerusi

Zahtuliffa Binti Tusimin

Sefiasaha

Farisa Jazima Binti Mat Yusof

Ahli

Nurul Ashikin Binti Abu Bakar
Mohd Zamri Bin Mamat
YM Tengku Irni Nazlia Binti Tengku Ibrahim
Pazlina Binti Moha Raba'i
Suhaidah Binti Raib
Mohd Fizat Bin Abu Bakar
Mohd Mawardi Bin Hussain
Syamsul Anuar bin Samsudin

Editor & Pereka Bentuk

Nurul Ashikin Binti Abu Bakar
Farisa Jazima Binti Mat Yusof

PAMERAN HARI KOKURIKULUM SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS SMK PARIT BETAK



JOMMASUKMARSAH
<http://www.marsah.edu.my/>



Jawatankuasa Komunikasi Korporat KKTМ Sri Gading telah terlibat dalam program promosi di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Betak, Pontian.

Program ini telah diadakan sebagai salah satu aktiviti bagi Sambutan Jubli Emas Kali ke 50 SMK Parit Betak.

Terima kasih SMK Parit Betak kerana memberi peluang untuk kami mempromosi Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading.



MUNAJAT GERHANA BULAN

فِي أَيِّ الْأَرْبَعِ كَمَا تُكَدِّبِينَ

SRI GADING
08.11.2022
6:30 pm
Musolla An-Nur, KKTМ Sri Gading

- zikir munajat
- solat fardhu maghrib
- solat sunat rawatib maghrib & sunat awwabin
- solat sunat gerhana bulan
- khutbah gerhana bulan
- solat fardhu isyak
- bacaan surah al-mulk
- selawat dan bersurai

anjuran bersama
 Jawatankuasa Surau
 BPP
 Jawatankuasa Fellow Asrama

semua warga KKTMSG dijemput hadir

Pada 8 November 2023, program Munajat Gerhana Bulan telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Surau bersama pihak felo asrama KKTМ Sri Gading.

Program yang diadakan di Surau An-Nur KKTМ Sri Gading ini telah disertai oleh semua warga kolej bermula pada pukul 6.30 petang.

Antara pengisiannya ialah zikir munajat, solat berjemaah serta lain-lain aktiviti dan diakhiri dengan selawat sebelum bersurai.

BRIDGE STRUCTURE DESIGN COMPETITION



SRI GADING

BRIDGE STRUCTURE DESIGN COMPETITION KKTMSRI GADING



DEWAN DARUL TAKZIM KKTMSG



7 - 8 NOV 2022



Anjuran JK Inovasi Teknikal KKTMSRI Gading

Jawatankuasa Inovasi Teknikal KKTMSRI Gading telah menganjurkan *Bridge Structure Design Competition* pada 7-18 November 2022.

Program ini telah disertai oleh pelajar-pelajar KKTMSRI Gading dari 7 program. Antara juri yang terlibat ialah Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ramli seorang pensyarah kanan, Jabatan Struktur dan Bahan, Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai juri utama bagi pertandingan ini.

Objektif pertandingan ini diadakan adalah bagi menggalakkan kreativiti selain kemahiran menyelesaikan masalah, membuat penyelidikan dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Syabas kepada semua pemenang!

Keputusan *Bridge Structure Design Competition* KKTMSRI Gading 2022

STRENGTH CATEGORY

1. GEOBRIDGE - DTG3
2. JAMBATAN KE HATI - DTH1A
3. BRIDGE TO JANNAH - DTV1

CREATIVITY & BUILDABILITY CATEGORY

1. BRIDGE TO JANNAH - DTV1
2. GEOBRIDGE - DTG3A
3. THE OLYMPIANS - DTV3A

OVERALL CATEGORY

1. GEOBRIDGE - DTG3A
2. BRIDGE TO JANNAH - DTV1A
3. JAMBATAN KE HATI - DTH1A
4. THE OLYMPIANS - DTV3A
5. DTC2A - DTC2A

Congratulations!

DTG3A
MUHAMMAD HELMY BIN MOHD SHARIF
FAKHRIE NAFIE BIN MD. WARTH
NORAQLAN BIN NORHISYAMUDIN
SAYID MOHD NAIM BIN SAYID BAB
NURUL SYAKRIN BIN ABDUL WAHAF

1st Place
Overall Category
BRIDGE STRUCTURE
DESIGN COMPETITION
KKTMSRI GADING 2022



Congratulations!

DTH1A
SEBASTIAN ANAK SAKA
MUHAMMAD FITRI BIN ROSMIN
MUHAMMAD ANIQ HAZIQ BIN MOHD
AZZUDIN
NOOR IZZATI BINTI OMAR
NOR ALIFFA BINTI BUKHARI

3rd Place
Overall Category
BRIDGE STRUCTURE
DESIGN COMPETITION
KKTMSRI GADING 2022



Congratulations!

DTV1
MUHAMAD NASHRUL BIN ZULKIFLI
MUHAMMAD HASIF BIN MOHD SALLEH
NURALIA ATIRAH BINTI KARIO
BALQIS ALYEA BINTI ABDUL HALIM
NURAYUNI ZAWANI BINTI ZAIDI

2nd Place
Overall Category
BRIDGE STRUCTURE
DESIGN COMPETITION
KKTMSRI GADING 2022



PAMERAN PROJEK TAHUN AKHIR SESI JULAI-DISEMBER 2022



Jawatankuasa Projek Tahun Akhir KKTMSG telah menganjurkan Pameran Projek Tahun Akhir (SPEX 2022) pada 13 November 2022 di Dewan Darul Takzim. Pameran ini melibatkan tujuh jabatan dan semua pelajar semester 5 untuk sesi Jul-Dis 2022.

Selain pembentangan projek tahun akhir, program ini turut disertai oleh beberapa Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) antaranya UNIKL Mitec Johor, UNIKL Mitec HQ, Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), dan Universiti Malaya (UM).

Pelajar dari 2 buah sekolah juga dijemput sebagai pelawat iaitu SMK Seri Gading dan SMK Tunku Ismail. Tujuan program ini berlangsung adalah untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar serta keyakinan pelajar.

SETITIK DARAH SEJUTA RASA

(Program Derma Darah & Pemeriksaan Kesehatan Percuma)



Pada 15 November 2022, satu kolaborasi besar-besaran telah diadakan oleh Jawatankuasa Komunikasi Korporat KKTm Sri Gading yang melibatkan ADUN Parit Raja, sekolah-sekolah serta kolej di kawasan sekitar Batu Pahat, Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dan KPJ Batu Pahat ini digabungkan di bawah Program Jelajah Kampus KKTm Sri Gading dan Program Setitik Darah Sejuta Rasa.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kalangan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar. Melalui program Setitik Darah Sejuta Rasa ini, para pengunjung dapat membuat pemeriksaan kesihatan percuma di kaunter KPJ Batu Pahat atau menderma darah di kaunter Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar.

**SETITIK DARAH
SEJUTA RASA**
(Program Derma Darah & Pemeriksaan Kesehatan Percuma)

9:30 PAGI
HINGGA
2:30 PETANG

15
NOVEMBER
2022

DEWAN DARUL TAKZIM
KKTm SRI GADING

Jumpa kami di
KKTm Sri Gading

Kolaborasi Bersama ADUN Parit Raja,
Hospital Pakar Sultanah Fatimah
Muar dan KPJ Batu Pahat.

1. Program Derma Darah
2. Pemeriksaan Kesehatan Percuma
3. Taklimat Kesehatan (Diabetis & Jantung)

PERTANYAAN SILA HUBUNGI
EN. SYAMSUL 017-4322408
EN. KHAIRUDDIN 017-2526887
PN. AJNI 019-9996196



JELAJAH KAMPUS KKTm SRI GADING



PROGRAM
JELAJAH KAMPUS
KKTm SRI GADING

KKTm SRI GADING
15 NOVEMBER
2022
8:00 PAGI - 5:00 PETANG

Pengambilan Pelajar bagi Sesi Januari 2023 secara 'Walk In' dibuka.

SENARAI PROGRAM

15 NOV 2022 | 10:00 PAGI
DEWAN TEATER A

- ▶ Jemputan Kolej komuniti Bandar Penawar (Kursus Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan)
- ▶ Jemputan Kolej Komuniti Segamat Kursus Penyelenggaraan Bangunan Semester 1-3.
- ▶ Jemputan Kolej Komuniti Segamat 2 Kursus Teknologi Sanibina.
- ▶ Jemputan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Batu Pahat dan Kluang.

15 NOV 2022 | 10:00 PAGI
BILIK SEMINAR DAN FASILITI KKTm SRI GADING

- ▶ Jemputan Pihak Sekolah Menengah dalam sesi taklimat dan lawatan ke bengkel-bengkel
 - 1. SMK Tan Jemali.
 - 2. SMK Sri Gading
 - 3. SMK Senggarang
 - 4. SMK Suria Perdana
 - 5. SMK Sri Lalang

15 NOV 2022 | 9:00 PAGI - 3:00 PETANG |
DEWAN DARUL TAKZIM

- ▶ Kolaborasi Bersama Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dan KPJ Batu Pahat.
 - 1. Program Derma Darah
 - 2. Pemeriksaan Kesihatan Percuma
 - 3. Taklimat Kesihatan (Diabetes & Jantung)

KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA SRI GADING,
BATU 11, JALAN KLUANG,
36400 PARIT RAJA,
BATU PAHAT,
JOHOR DARUL TAKZIM.
<http://www.kktmsrigading.edu.my/>

ANJURAN:
JAWATANKUASA KOMUNIKASI KORPORAT
KKTm SRI GADING



Pada 15 November 2022 bertempat di Dewan Darul Takzim KKTm Sri Gading telah diadakan 'Program Jelajah Kampus, anjuran Jawatankuasa Komunikasi Korporat. Program ini merupakan salah satu program yang dijalankan bagi mempromosikan KKTm Sri Gading.

Jemputan peserta adalah dari kalangan pelajar-pelajar sekolah kementerian yang berdekatan. Pelajar-pelajar diberi peluang meninjau sistem dan fasiliti pendidikan di KKTm Sri Gading.

Selain itu, turut diadakan juga adalah Program Derma Darah oleh pihak Hospital Sultanah Fatimah, Muar.

Semasa program Jelajah Kampus ini juga telah diadakan sesi pemeriksaan kesihatan yang dikendalikan oleh KPJ Batu Pahat.

Semoga program seumpama ini berjaya menarik minat generasi muda untuk belajar di TVET MARA khususnya KKTm Sri Gading.

ENGLISH LANGUAGE HIGHLY IMMERSIVE PROGRAMME

Satu program kerjasama khidmat masyarakat (CSR) di antara Unit Bahasa Inggeris KKTm Sri Gading dan Sekolah Kebangsaan Seri Bulan, Yong Peng telah diadakan pada 15 November 2022.

Program ini telah dijalankan secara bersemuka bersama 20 orang murid Sekolah Kebangsaan Seri Bulan dari Darjah 4, 5 dan 6 beserta 4 orang guru pengiring.


Program ini dikelola oleh 5 orang fasilitator dari Majlis Perwakilan Pelajar, pengajar Unit Bahasa Inggeris dan pengajar Diploma Teknologi Kejuruteraan (BIM).

Pelajar-pelajar tersebut telah didedahkan dengan pelbagai penggunaan teknologi pendidikan terkini di Bilik Kuliah 21st Century Classroom.

Pelbagai aktiviti interaktif diadakan bagi memupuk penggunaan Bahasa Inggeris khususnya dalam perbualan harian.

Semoga aktiviti CSR ini dapat menanam rasa kesedaran tinggi di kalangan pelajar untuk berbakti kepada masyarakat.





CIDB IBS DEVELOPMENT AND TRANSFORMATION CENTER

PROGRAM
PEMANTAPAN KONTRAKTOR
 SME DALAM IBS

DAFTAR SEKARANG!
RM100 ONLY
 **Yuran asal disubsidi oleh CIDB Malaysia

Lokasi Latihan:
KKTM Sri Gading, Johor

Kursus 2 hari:
9:00 pg - 5:00 ptg

Tarikh Program
23 - 24 Nov 2022

Output Program:

- 25 Mata CCD oleh CIDB
- Mata CPD oleh BEM & MBOT
- Sijil Penyertaan
- Makan & Minum disediakan

TEMPAT TERHAD!

CIDB CERTIFIED ASSESSMENT CENTRE **HRDF TRAINING PROVIDER**

Hubungi Kami! Mobile: **+6012 - 690 9417**

www.cidbibs.com.my
training@cidbibs.com.my
 Office: +603 - 9224 2260

Callert Komponen IBS
 Lot 8,
 Jalan Chan Sow Lin,
 50200 Kuala Lumpur.

CIDB IBS



Pada 23 hingga 24 November 2022 telah diadakan Kursus Pensijilan dalam IBS anjuran CIDB IBS Malaysia kolaborasi bersama Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan Sistem Ter maju (DTC) KKTM Sri Gading.

Kursus jangka pendek ini dihadiri oleh 8 orang pensyarah dari DTC dan 8 orang peserta luar dari industri bagi mempertingkatkan kemahiran dalam rekabentuk IBS terutamanya dalam bidang 'Precast Construction'. Penceramah yang terlibat ialah Ir Zulkarnain & Encik Saugi.

Peserta kursus ini menerima Sijil Penyertaan bersama 25 mata CCD point, 14 mata CPD BEM dan 10 mata CPD MBOT.

CSR UNIT PENTADBIRAN



Pada 23 November 2022, Unit Pentadbiran telah mengadakan program khidmat masyarakat (CSR) peringkat dalam dengan penglibatan semua staf pentadbiran dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional dalam aktiviti mengemas, membaik pulih dan melupus.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti:

1. Mengecat *railing* di blok pentadbiran.
2. Mengemas bilik galeri dan keceriaan bilik galeri.
3. Mengemas aset lupus di stor.
4. Projek tong kitar semula di stor.
5. Memindahkan aset ke lokasi yang berkaitan dan arahan semasa ke semasa.



LAWATAN TAPAK KE IBS EXCELLENCE CENTRE (IEC) OLEH PELAJAR-PELAJAR & PENSYARAH DARI FAKULTI SENIBINA UTHM



Pada 14 Disember 2022, satu lawatan pendidikan oleh sekumpulan pelajar dan pensyarah dari UTHM ke IBS Excellence Centre (IEC) KKTU Sri Gading.



Objektif utama lawatan ini memberi pendedahan berkaitan teknologi penggunaan IBS dalam pembinaan bangunan kepada pelajar-pelajar dan pensyarah UTHM.

Program seumpama ini secara tidak langsung dapat mempromosikan pendidikan TVET MARA kepada pihak luar khususnya generasi muda.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

Pada 7 Disember 2022, satu CSR pemasangan *air-cond* di stor pusat KKTU Sri Gading. Menariknya, program ini telah melibatkan pelajar semester 5 jabatan DTM bersama alumni DTM yang telah bekerja sebagai kontraktor penyaman udara.

Semoga perkongsian ilmu dan pengalaman ini menjadi platform terbaik untuk pelajar KKTU SG mengasah kemahiran mereka.



SESI KUNJUNG HORMAT KKTm SRI GADING KE JABATAN PENDIDIKAN JOHOR DAN GIATMARA KOTA TINGGI



Sesi kunjung hormat KKTm Sri Gading ke Jabatan Pendidikan Johor dan Giatmara telah diadakan pada 13 Disember 2022.

Objektif utama kunjung hormat ini adalah bagi menjalinkan kerjasama strategik pada tahun 2023. Selain itu kolaborasi ini bertujuan mempromosikan program pendidikan TVET di KKTm Sri Gading.



Kunjungan ini turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik, Timbalan Khidmat Pengurusan & Hal Ehwal Pelajar, Pengerusi Jawatankuasa Korporat dan Pegawai Latihan Industri.

MESYUARAT SENAT PUSAT

Bermula dari 15 Disember 2022, telah diadakan beberapa siri Mesyuarat Senat Jabatan sebelum berlakunya Mesyuarat Senat Pusat. Hasil keputusan Mesyuarat Senat Jabatan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Senat Pusat yang berlangsung dari 20 hingga 21 Disember 2022 di Bilik Mesyuarat Utama.

Mesyuarat Senat Pusat yang dipengerusikan oleh Pengarah KKTm Sri Gading, Tuan Hj. Azman bin Ali ini dihadiri oleh ahli senat yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik, Pegawai Unit Penilaian dan Pensijilan dan semua Ketua Jabatan dan Ketua Program KKTm Sri Gading.

Mesyuarat Senat merupakan salah satu agenda rutin yang akan dilakukan oleh pihak kolej bagi memastikan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta penilaian prestasi pelajar dilaksanakan dengan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.



LAWATAN PENGARAH BAHAGIAN BINAAN DAN SENGGARAAN

Pada 21 Disember 2022, satu lawatan oleh En. Mohd Ridhwan bin Abd Yazid, Pengarah Bahagian Binaan & Selenggaraan MARA telah diadakan. Lawatan ini diadakan bertujuan meninjau projek pembangunan fasiliti latihan yang melibatkan bangunan STU1, STU2, STU3, STU4 dan Green Lab.


Sesi lawatan ini disantuni oleh pihak pengurusan tertinggi. Antaranya ialah Tn Hj. Azman bin Ali selaku Pengarah KKTM Sri Gading, Encik Shah Zulmizan bin Safar, Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Hal Ehwal Pelajar (KPHEP), Encik Wazir Shafix bin Osman, Ketua Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Bangunan Hijau & Cekap Tenaga) dan pensyarah serta juruteknik yang terlibat.





Welcome! SELAMAT DATANG

PENDAFTARAN PELAJAR BARU



KKTM SRI GADING
#LIFEKKTMSG
#TVETMARA



MAJLIS PENUTUP MINGGU HALUAN SISWA BAGI SESI JANUARI-JUN 2023



Pada 29 Disember 2022 telah berlangsung Majlis Perasmian Penutup bagi Sesi Januari-Jun 2023 yang bertempat di Dewan Teater A, KKM Sri Gading yang dihadiri oleh 55 pelajar baharu Semester 1.

Perasmian penutup telah disempurnakan oleh En. Shah Zulmizan Bin Safar, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar & Khidmat Pengurusan setelah pelbagai aktiviti suai kenal sepanjang Minggu Haluan Siswa dilaksanakan. Turut serta dalam majlis ini adalah Timbalan Pengarah hal Ehwal Akademik, ketua-ketua program dan ketua jabatan dan Ahli Jawatankuasa Minggu Haluan Siswa.

TAKLIMAT JKPP & MERT

Pada 29 Disember 2022 dan bertempat di Dewan Teater A telah diadakan taklimat Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (JKPP) dan MARA *Emergency Response Team* (MERT).

Taklimat ini disampaikan oleh Encik Abd. Halimnizam Bin Hj. Abdullah dan Encik Sahril Bin Ab Lah. Taklimat ini dihadiri oleh 53 pelajar baru Semester 1.

Taklimat MERT & JKPP ini merupakan salah satu slot aktiviti dalam Jadual Minggu Haluan Siswa Sesi Januari-Jun 2023 yang dijadualkan pada jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi.

Objektif utama taklimat ini diadakan adalah bertujuan memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada pelajar baru Semester 1 berkaitan keselamatan dan kesihatan dalam mengimplementasikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kolej.



HARI KELUARGA KKTMSRI GADING 2022



Tema Ukhawah Dijana Silaturrahim Terbina telah terpilih bagi sambutan Hari Keluarga KKTMSRI GADING bagi tahun ini.

Hari Keluarga KKTMSRI GADING disambut pada 30 Disember 2022 (Jumaat). Ia merupakan program anjuran Pertubuhan Kebajikan Kakitangan KKTMSRI GADING.

Program dijalankan di Perkarangan Dewan Darul Takzim dengan pemakaian sedondon (*Smart Casual*) bagi setiap keluarga.

Penganjuran hari keluarga ini merupakan salah satu wadah untuk menyatukan dan meningkatkan kerjasama antara semua staf dan keluarga.

Selain itu, ia dapat memberikan penghargaan di atas komitmen yang diberikan oleh semua warga kerja KKTMSG sepanjang tahun.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa program adalah dirancang bagi memupuk semangat muhibbah antara staf dan keluarga antaranya adalah cabutan bertuah, cabutan grand prize dan Soopa Doopa Pool.

Tahniah kepada pemenang *Grand Prize* sempena Hari Keluarga KKTMSRI GADING tahun 2022.

HARI INOVASI KKTm SRI GADING 2022

Hari Inovasi 2022 telah diadakan pada 22 Disember 2022 di Dewan Teater A, KKTm Sri Gading yang bertemakan Persekitaran Kondusif Pemangkin Inovatif. Terdapat 15 penganugerahan yang dipertandingkan pada Hari Inovasi 2022.

Majlis apresiasi ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Inovasi & Kreativiti yang bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja. Bukan sahaja sumbangan dalam inovasi tetapi portfolio tugas masing-masing yang memberi impak kepada perkembangan dan kemajuan organisasi. Tahnik dan syabas kepada semua penerima anugerah!

Anugerah yang dipertandingkan pada Hari Inovasi KKTm Sri Gading 2022 ialah:

1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021
2. Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan
3. Anugerah Pensyarah & Staf Pentadbiran Cemerlang
4. Anugerah Ketua Jabatan/ Ketua Program Terbaik
5. Anugerah Pencapaian PdP Terbaik
6. Anugerah Penulisan Ilmiah
7. Anugerah Kerjasama Strategik Terbaik
8. Anugerah Khidmat Masyarakat Terbaik & Berimpak Tinggi
9. Anugerah Penganjuran Program Terbaik
10. Anugerah Persekitaran Tempat Kerja Kondusif
11. Anugerah Inovasi Individu
12. Anugerah Inovasi Kumpulan
13. Anugerah Jabatan/Program/Unit Pentadbiran Terbaik
14. Anugerah Khas Pengarah
15. Sijil Penghargaan Jurulatih Pertandingan Kemahiran (Worldskill Malaysia 2022)

